

# Kerajaan tak akan biarkan peristiwa 13 Mei berulang — PM

KUALA LUMPUR 20 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan tidak akan membiarkan peristiwa 13 Mei 1969 berulang lagi setelah rakyat berbilang kaum di negara ini boleh hidup dengan selamat dan bebas bergaul tanpa perasaan takut atau ragu-ragu.

Sambil menyifatkan peristiwa 13 Mei sebagai amat memalukan, Perdana Menteri menegaskan, walaupun ada sedikit sebanyak masalah perkauman dan perselisihan kaum tetapi keadaan itu tidak menjadi halangan kepada rakyat untuk hidup bersama ke arah mewujudkan perpaduan yang lebih bermakna.

Katanya, sejak merdeka, kerajaan telah berusaha mengatasi masalah ketegangan antara kaum dan hari ini Malaysia te-

lah muncul sebagai sebuah negara yang unik dan istimewa di dunia kerana rakyatnya boleh hidup aman damai walaupun mereka mempunyai berbagai agama dan kebudayaan.

"Peristiwa 13 Mei tidak hendak kita adakan lagi, kita tidak mahu perselisihan kaum hingga menjadi rusuhan kerana ini amat memalukan," katanya semasa berucap di perhimpunan SEMARAK di Padang Sekolah Rendah Padang Tembak, dekat Kampung Relawan di sini pagi ini.

Perdana Menteri berkata, peristiwa 13 Mei membuktikan rakyat ketika itu belum lagi dewasa dan tidak tahu menjaga masyarakat sebagaimana yang sepatutnya.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada orang mendakwa bahawa kaum-kaum di negara

ini sukar bersatu padu, hidup berasingan dan bertentang, tetapi pada hakikatnya rakyat tidak takut bergaul dan bersempitan SEMARAK.

"Kita tahu kita selamat di dalam negara ini walaupun kita masuk ke kampung yang tidak ada kaum lain atau tempat-tempat yang kaum lain lebih ramai, kita tidak merasa takut untuk bergaul," katanya.

Serentak dengan itu beliau meminta rakyat supaya tidak menerima tuduhan bahawa di negara ini keadaan kaum begitu buruk hingga tidak ada perhubungan kaum.

Katanya, sejak merdeka berbagai usaha dilakukan untuk merapatkan hubungan kaum termasuk SEMARAK yang antara lain bertujuan merapatkan hubungan penduduk di negara ini di mana kaum-kaum

berkumpul bersama dengan membawa bersama berbagai kebudayaan.

"Kalau ada orang yang berkata Malaysia tidak berjaya mencantumkan kaum dan berusaha membangunkan negara, ini adalah tidak benar kerana sejak 31 tahun merdeka ia terus maju," katanya lagi.

Menurut Perdana Menteri lagi, kerajaan sentiasa berusaha supaya masalah kaum tidak menjejaskan keamanan negara dan hasilnya Malaysia telah muncul sebagai sebuah negara yang unik dan istimewa di dunia kerana rakyatnya boleh hidup aman damai walaupun mereka terdiri dari berbilang kaum, agama dan bahasa.

Katanya, terdapat negara-negara di dunia yang rakyatnya hanya satu kaum dan agama tetapi mereka menghadapi

perselisihan antara kumpulan mereka sehingga berlaku perang saudara dan bunuh-membunuh antara satu sama lain.

Beberapa negara di Timur Tengah, selatan Asia dan Asia Barat telah berlaku peristiwa tersebut.

Menurut beliau, masalah ketegangan sesama kumpulan itu tidak dapat diselesaikan dalam masa beratus tahun malahan ada yang berlarutan sehingga 400 tahun.

"Tidak hairanlah di negara kita, banyak kaum, agama dan bahasa, ketegangan berlaku juga tetapi tidak ketara sehingga tidak boleh bercampur-gaul seperti hari ini," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, keadaan kaum yang wujud di negara ini sekarang adalah kerana keunikan negara

**LIHAT MUKA 2**

## Kerajaan tak akan biarkan 13 Mei berulang

ini yang mempunyai berbagai perayaan di mana adanya rumah-rumah terbuka untuk dikunjungi masyarakat berbilang kaum.

Melalui perayaan itu, rakyat berbilang kaum

berkunjung ke rumah-rumah terbuka walaupun mereka tidak kenal satu sama lain.

Katanya, diplomat-diplomat asing dan pelawat negara lain mengka-gumi sikap masyarakat

berbilang kaum yang mengadakan rumah-rumah terbuka itu kerana di negara mereka sama ada yang beragama Islam, Kristian, Buddha atau Hindu tidak ada rumah terbuka.

"Inilah keistimewaan negara ini," katanya.

Beliau berharap, keadaan yang wujud sekarang dikekalkan supaya menjadi contoh kepada negara-negara lain di dunia.